

EK
ECONEWS
KEMEROSOTAN TABUNGAN NEGARA MEMBIMBANGKAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- Trend yang kian merosot dalam kadar tabungan negara harus diberi perhatian segera kerana rakyat Malaysia lazimnya adalah penabung yang besar, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata di sini hari ini.

Kebelakangan ini, katanya kadar tabungan telah merosot kepada sedikit di bawah 30 peratus dalam 1990 daripada setinggi 33.6 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) dalam 1987.

+Bagi 1991, kadar itu dijangka sudah merosot lagi kepada kira-kira 28 peratus daripada KNK,+ katanya semasa merasmikan program +Pengurusan Penilaian Projek dan Analisis Risiko+ anjuran Kelab Harvard Malaysia, Institut Pembangunan Antarabangsa Harvard dan Institut Ahli-ahli Bank Malaysia.

Program tiga minggu itu bertujuan membina kemahiran kendalian di kalangan para peserta supaya mereka boleh merancang dan menilai kesemua aspek projek-projek pelaburan, termasuk analisa risiko dan pengurusan risiko.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sepanjang dua dekad lalu, kadar tabungan tahunan Malaysia melebihi 30 peratus daripada KNK pada puratanya.

Kemerosotan tabungan itu sebahagian besarnya mencerminkan peningkatan perbelanjaan pengguna, yang disebabkan oleh pertumbuhan sebenar yang pesat dan pendapatan yang meningkat, tambah beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata dengan adanya pendapatan yang berterusan tinggi dan semakin meningkat, perbelanjaan pengguna persendirian telah berkembang kepada hampir 15 peratus daripada segi sebenar dalam tempoh tiga tahun berakhir 1990.

Sungguhpun kelihatan seolah-olah ada kesederhanaan dalam perbelanjaan pengguna dalam 1991, kadar sekarang masih lagi melebihi kelaziman enam hingga tujuh peratus setiap tahun.

+Adalah jelas, penggunaan lebih tinggi tidak boleh dibiarkan berterusan. Demi kepentingan kewarasan ekonomi negara, kita harus menabung. Yang utama, kita janganlah berbelanja melebihi kemampuan kita,+ tambah beliau.

Perbelanjaan menggunakan kad-kad kredit dikatakan membabitkan jumlah yang kecil pinjaman yang diberikan, tetapi Datuk Seri Dr Mahathir berkata tabiat itu sedang meningkat +dan apabila masyarakat sudah menjadi biasa kepada berhutang secara mudah, kecenderungan berbelanja lebih daripada keupayaan seseorang itu ia akan menjadi satu tabiat.+

Mengenai kekurangan tabungan dalam negeri daripada pelaburan, katanya ini menunjukkan betapa perlunya menggiatkan dasar untuk meningkatkan usaha pengembelangan tabungan persendirian di negara ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata: +Pada waktu yang sama, seseorang itu tidak seharusnya bimbang tanpa bersebab terhadap jurang tabungan-pelaburan yang sedia ada dalam jangka pendek kerana jurang itu juga perlu dilihat dalam perspektif yang betul.+

+Jurang itu timbul kerana Malaysia sudah menjadi pusat pelaburan yang begitu menarik sehinggakan tabungan dalam negeri tidak mencukupi untuk membiayai semua pelaburan yang telah diperolehi dalam tahun-tahun kebelakangan ini,+ tambah beliau.

Akibatnya, kata Perdana Menteri tabungan dalam negeri terpaksa ditambah oleh tabungan luar negeri yang sentiasa ada dengan mudah.

Beliau berkata jurang sumber yang wajar boleh diterima dalam jangkapendek, terutamanya ketika peningkatan pesat import dikaitkan dengan kemasukan langsung pelaburan asing.

Beliau berkata pelabur-pelabur asing dijangka membawa masuk sebahagian besar dana mereka sendiri untuk membiayai projek-projek pelaburan mereka di Malaysia. -- lagi

EK
ECONEWS
KEMEROSOTAN TABUNGAN 2 KUALA LUMPUR

Datuk Seri Dr Mahathir berkata: +Apabila pelaburan adalah kecil, pinjaman dalam negeri boleh dijangka menyokong modal asing. Tetapi, dengan peningkatan yang besar dalam pelaburan, pergantungan tidak patut diletakkan kepada sumber-sumber dalam negeri yang terhad.+

Beliau juga berkata Malaysia perlu memikirkan semula asas ganjaran bagi perkhidmatan.

Amalan sekarang, tambahnya, akan menyebabkan inflasi dan kemunduran ekonomi negara +dan pada masa kemudian, kekayaan peribadi kita sendiri pula.+

+Adalah tidak mengapa untuk mengikuti satu sistem yang nampaknya menjanjikan ganjaran yang tidak terhad tetapi dalam jangka panjang, keseluruhan sistem itu akan menjadi buruk,+ tambahnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata pandangan rakyat Malaysia mengenai pendapatan adalah berasaskan idea konvensional terhadap ganjaran untuk perkhidmatan.

+Di sebalik banyak cakap mengenai kenaikan gaji, kita masih menuntut gaji yang lebih tinggi seolah-olah kita akan menjadi lebih kaya semata-mata kerana bilangan angka kosong (kepada angka gaji) adalah lebih banyak,+ tambahnya.

-- Bernama